

LEKSIKOSTATISTIK BAHASA KENSIU DAN BAHASA KENTAQ: ANALISIS PERBANDINGAN KOSA KATA

LEXICOSTATISTICS OF KENSIU AND KENTAQ LANGUAGES: A COMPARATIVE ANALYSIS OF VOCABULARY

Nur Faaizah Md Adam ¹
Noor Saadah Salleh ²

¹Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) Malaysia,
E-mail :nurfaaizah@fbk.upsi.edu.my

²Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Malaysia,
E-mail: saadhsalleh@uitm.edu.my

Article history

Received date : 29-5-2021
Revised date : 30-5-2021
Accepted date : 11-7-2021
Published date : 15-7-2021

To cite this document:

Md Adam, N. F., & Salleh, N. S. (2021).
Leksikostatistik Bahasa Kensiou Dan Bahasa Kentaq:
Analisis Perbandingan Kosa Kata. *Jurnal Penyelidikan
Sains Sosial (JOSSR)*, 4 (11), 40 - 57.

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk mengetahui waktu pisah antara bahasa Kensiou dan Kentaq serta menentukan tingkat kekerabatan antara kedua-dua bahasa. Pendekatan kuantitatif telah digunakan dengan menerapkan teknik leksikostatistik. Pengumpulan data bahasa telah dilakukan berdasarkan senarai Moris Swadesh (1950) terhadap kedua-dua penutur bahasa. Teknik leksikostatistik yang digunakan telah melalui beberapa peringkat iaitu, 1) Pengumpulan 207 data bahasa berdasarkan Moris Swadesh, 2) Penelitian kata berkognat (berkerabat), 3) Mengira peratusan kata bersanak. Dapatan analisis telah menunjukkan bahawa kedua-dua bahasa mempunyai 142 kosa kata yang berkognat merangkumi sebanyak 72.08 %. Peratusan yang diperoleh telah menunjukkan bahawa kedua-dua bahasa ini telah terpisah antara 5 hingga 25 abad yang lalu dan berada dalam kelompok keluarga berdasarkan kekerabatan peratus kognat yang diperolehi.

Kata Kunci: Leksikostatistik, Bahasa Orang Asli, Kensiou, Kentaq, Perbandingan kosa kata

Abstract: This study aims to determine the separation time between Kensiou and Kentaq languages and determine the level of kinship between the two languages. A quantitative approach has been used by applying lexicostatistical techniques. Language data collection was made based on Moris Swadesh's (1950) list of both language speakers. The lexicostatistical technique used has gone through several stages, namely, 1) Collection of 207 language data based on Moris Swadesh, 2) Research on cognate words (kinship), 3) Calculating the percentage of related words. The findings of the analysis have shown that both languages have 142 cognate vocabularies covering 72.08 %. The percentages obtained have shown that these two languages have been separated between the last 5 to 25 centuries and are in family groups based on the cognate percentages obtained.

Keywords: Lexicostatistics, Indigenous Languages, Kensiou, Kentaq, Vocabulary comparison

Pengenalan

Menurut Keraf (1996) leksikostatistik ialah suatu teknik yang boleh mencari data-data atau keterangan untuk menentukan usia bahasa dan pengelompokan sesuatu bahasa. Leksikostatistik adalah suatu teknik untuk menentukan tingkat hubungan di antara dua bahasa, dengan menggunakan cara membandingkan kosa kata pada bahasa-bahasa tersebut yang kemudian dapat dilihat dan ditentukan tingkat kesamaan di antara kosa kata kedua bahasa, Dengan demikian, dapat diketahui sejauh mana hubungan kekerabatan satu bahasa dengan bahasa lainnya. Semua bahasa di dunia khususnya di kawasan tertentu memiliki tingkat kekerabatan termasuk bahasa-bahasa orang Asli di Malaysia. Tingkat kekerabatan suatu bahasa didasarkan pada kemiripan bentuk dan makna leksikal kerana warisan langsung daripada penutur natif sejak dahulu lagi. Keraf (1984:37) mengatakan bahawa kemiripan bentuk dan makna sesuatu bahasa menjadi asas dalam menetapkan tingkat kekerabatan sesuatu bahasa kerana warisan langsung.

Bentuk-bentuk kata yang sama antara berbagai bahasa dengan makna yang sama atau mirip diperkuat lagi dengan persamaan leksikal, akan memberi kesimpulan bahawa bahasa-bahasa tersebut diturunkan dari satu protobahasa yang sama. Bahasa Kentsu dan Kintak merupakan bahasa orang Asli yang berada dalam suku bangsa Negrito. Kedua-dua bahasa ini tergolong dalam bahasa Austroasiatik.

Menurut Geoffrey Benjamin (2012), suku bangsa Negrito adalah berketurunan *decendents* daripada manusia pra-sejarah yang digelar Austro-Melanesians yang berhijrah ke Asia Tenggara dari kawasan negara China 7000 hingga 10000 tahun dahulu. Walau bagaimanapun, ada juga sejarah purba yang merumuskan mereka berada di kawasan ini lebih awal lagi. Suku bangsa Senoi dan Proto pula adalah daripada keturunan manusia pra-sejarah yang digelar Austronesian (*Malayo-Polysenian*) yang dipercayai berhijrah secara berperingkat dan kecil-kecilan dari selatan China dan Taiwan ke kawasan Asia Tenggara sehingga ke Madagaskar di barat dan pulau-pulau Pasifik di timur kira-kira 3000 hingga 5000 tahun dahulu.

Suku bangsa Negrito merupakan masyarakat orang Asli yang terkecil jika di bandingkan dengan suku bangsa Senoi dan Proto. Suku bangsa Negrito juga dikenali sebagai suku Semang. Istilah Semang digunakan oleh orang Melayu bagi merujuk kepada suku bangsa Negrito yang hidup memburu dan memungut hasil hutan di Semenanjung Malaysia. Orang Semang merupakan penduduk paling tua di Semenanjung Malaysia dan di Asia Tenggara.

Suku bangsa Negrito ramai terdapat dibahagian utara Semenanjung Malaysia dan Selatan Thailand. Masyarakat Negrito (*Semang*) juga terdapat di Filipina hingga Kepulauan Andaman di Teluk Benggal, Selatan Myanmar, pedalaman Sumatera dan Sulawesi. Di selatan Thailand, orang Semang juga dikenali sebagai '*Tonggo*' atau '*Mos*'. Manakala di Kelantan, masyarakat ini dikenali sebagai '*Pangan*'. Namun, kedua-dua istilah ini telah diketepikan dan digantikan dengan istilah '*Negrito*'.

Pengkaji Barat yang terawal memperkenalkan istilah '*little negro*' berdasarkan ciri-ciri fizikal dan perwatakan masyarakat berkenaan. Mereka berkulit gelap, berambut keriting yang tumbuh rapat dengan kulit kepala, bermata bundar, berhidung lebar, bibir penuh, tulang pipi yang timbul dan purata ketinggian 1.47 meter bagi lelaki, manakala kaum wanita lebih rendah. Orang

Semang membahasakan diri mereka sebagai '*minik*' yang bermaksud '*orang*'. Selain itu, pengenalan diri juga bergantung pada suku kaum atau '*puak*'.

Orang Semang atau Negrito merupakan salah satu rumpun bangsa orang Asli Semenanjung yang terkenal sebagai masyarakat '*egalitarian*'. Masyarakat ini terdiri daripada enam suku kaum iaitu Bateq (atau Batik, Ngok, Herb), Jahai (atau Jahay), Kensiu (atau Kenseu, Kensieu) dan Mendriq (atau Menrik, Menreq, Menrab), Kintaq dan Lanoh. Kesemua panggilan suku kaum ini membawa gabungan maksud '*orang*' dengan '*hutan*', '*darat*' atau '*daratan*'.

Orang Asli Kensiu di Kampung Lubuk Legong, Baling

Dalam negeri Kedah hanya terdapat sebuah kampung orang Asli, iaitu Kampung Lubuk Legong, terletak dalam mukim Siong dan jaraknya lebih kurang 13 kilometer dari bandar Baling. Suku kaum orang Asli yang menetap di sini adalah puak Kensiu dari kumpulan Negrito dan satu-satunya yang mendiami semenanjung Malaysia. Kegiatan berpindah-randah bukan lagi ciri kehidupan masyarakat Negrito tetapi mereka masih mengamalkan kegiatan '*berbagan*' di dalam hutan untuk tujuan ekonomi seperti memotong rotan, mencari kayu gaharu dan seumpamanya. (Ensiklopedia Sejarah dan Peradaban Melayu, 1999).

Menurut Mohd Sharifudin Yusup (2011), orang Asli Kensiu juga dikatakan ada pertalian keluarga di Kampung Rai Yala Selatan Thailand. Mereka tinggal semenjak 1957 di Lot No.3623 yang telah diwartakan pada tahun 1958 sebagai Rizab Orang Asli seluas 428 ekar (JHEOA: 98:3). Sebelum itu mereka tinggal berpindah randah dari Lubuk Legong ke Parit Panjang, Kampung Bendang Man Sik, sungai Celak dan Kampung Tiak Kupang. Ia merupakan kumpulan kaum Negrito yang terkecil dan tertua sekali di Semenanjung Malaysia. Kini terdapat seramai 251 orang Asli Kensiu (data maklumat dari Pelan Straregik Kemajuan Orang Asli 2011-2015). Dari sumber senarai nama tahun 2016 pula penduduk Kensiu telah bertambah kepada 292 orang iaitu 77 buah keluarga. Daripada 292 orang penduduk 3 orang berbangsa Semai, 6 Temiar, 3 Jahai, 8 Lanoh, 8 Kintak, 7 lain-lain dan hanya 257 orang berbangsa Kensiu. Di sini dapat dilihat pertambahan penduduk asli Kensiu dari tahun 2001 sehingga 2016.

Kawasan penempatan mereka telah dilengkapi dengan sebuah surau, sebuah dewan serbaguna, kedai runcit, tabika, gelanggang takrow dan terdapat 46 buah rumah milik penduduk yang dibina oleh JHEOA dan sebuah rumah milik petugas JAKIM. Penempatan mereka juga dilengkapi dengan bekalan elektrik dan air yang disediakan oleh Jabatan Bekalan Air.

Orang Asli Kentaq di Pengkalan Hulu, Perak

Di Malaysia, hanya terdapat sebuah perkampungan khusus yang menempatkan suku kaum ini iaitu Kampung Bukit Asu yang terletak di Pengkalan Hulu Perak yang didiami lebih kurang 50 buah keluarga dengan jumlah rumah PPRT sebanyak 38 buah (JAKOA, 2015). Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada pihak JAKOA, Grik pada 2015, bilangan terkini penduduk Kampung Bukit Asu adalah seramai 212 orang. Namun jumlah tersebut merangkumi keseluruhan penduduk, dan tidak hanya melibatkan suku Asli daripada etnik Kentaq sahaja. Ada di antara mereka yang terdiri daripada suku Jahai, Semnam, Kensiu, Siam dan juga Melayu. Perkahwinan campur yang berlaku telah menggalakkan migrasi suku atau bangsa lain ke perkampungan berkenaan.

Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada Ketua Kaum Kentaq yang dikenali sebagai Batin Halipon Bin Saad dalam Noor Saadah Salleh (2017), jumlah sebenar suku Asli Kentaq yang terdapat di Kampung berkenaan hanya 146 orang sahaja. Perincian ini dibuat berdasarkan data demografi penduduk melibatkan maklumat latar belakang. Anak-anak yang lahir daripada keluarga yang berkahwin campur akan dikira sebagai Etnik Kentaq sekiranya salah seorang daripada ibu bapanya berketurunan Kentaq.

Penyataan Masalah

Bahasa Kensiu dan Kentaq merupakan dua kaum yang berada dalam rumpun bahasa Austroasiatik. Berdasarkan penelitian terhadap kajian lepas, didapati bahawa tiada kajian leksikostatistik dilakukan terhadap bahasa orang Asli di Malaysia khususnya bahasa Kensiu dan Kentaq berdasarkan senarai kosa kata dasar Swadesh. Jika diperhatikan kajian yang dilakukan oleh pengkaji terdahulu, kebanyakan pengkaji hanya memfokuskan salah satu aspek sama ada kajian bahasa, sosial, atau budaya, namun tidak ke arah kajian perbandingan leksikostatistik bahasa orang Asli Kensiu dan Kentaq. Antaranya ialah kajian Budaya dan Warisan Orang Asli Kensiu Lubuk Legong, Baling, Kedah oleh Nur Faaizah Md Adam, Mohd Sharifudin Yusop, Noor Saadah Binti Salleh (2019) dan kajian Status Kelestarian Bahasa Minoriti Kentaq oleh Noor Saadah Salleh dan Mohd Sharifudin Salleh (2018). Selain itu, kajian Pelestarian Bahasa Kensiu di Kampung Lubuk Legong, Kedah, Malaysia oleh Nur Faaizah Md Adam (2018).

Berdasarkan kajian tersebut dapat dilihat banyak persamaan kosa kata antara kedua bahasa tersebut, terutamanya dalam bidang fonologi ataupun leksikal. Maka, terlihat bahawa secara leksikal bahasa Kensiu dan Kentaq mempunyai hubungan yang dekat. Namun, tidak mustahil pula, kemiripan leksikon dan persamaan bunyi tersebut merupakan pinjaman akibat kontak bahasa dan budaya, sehingga menyebabkan kaburnya pengelompokan bahasa tersebut.

Berdasarkan ulasan ini, andaian pengkaji bahawa hingga sekarang belum diketahui secara pasti bagaimana hubungan kekerabatan antara kedua bahasa tersebut. Di samping itu, masih kurangnya penelitian yang sistematik dan lengkap yang mendeskripsikan kekerabatan kedua bahasa ini. Oleh itu penelitian ini dapat meneliti kemiripan bunyi dan kesamaan leksikon kedua bahasa dan membuktikan hubungan kekerabatan kedua-dua bahasa. Dengan alasan yang dikemukakan di atas, maka pengkaji terdorong melakukan usaha penelitian yang komprehensif terhadap kedua-dua bahasa tersebut untuk melihat hubungan kekerabatannya.

Tujuan Kajian

Kajian ini dilakukan untuk mengetahui waktu pisah antara bahasa Kensiu dan Kentaq serta menentukan hubungan kekerabatan antara kedua-dua bahasa berdasarkan perbandingan kata kosa yang berkognat.

Kajian Literatur

Dyen (1965) dalam kajiannya terhadap bahasa Serawai dan Kaur telah menggunakan kaedah leksikostatistik ini untuk mengelompokkan bahasa-bahasa Austronesia. Dyen menghitung daftar kosa kata bahasa Serawai dan Kaur yang sama untuk mengetahui peratus kekerabatan dan jarak masa yang terpisah antara kedua bahasa tersebut. Beliau mengelompokkan rumpun bahasa Austronesia kepada beberapa subrumpun. Salah satu subrumpun yang digunakan ialah subrumpun Indonesia Barat (Hesperonesia). Keraf (1991) pula menyatakan bahasa Serawai dan

bahasa Kaur merupakan bahasa sekerabat yang termasuk dalam kelompok Melayu Tengah (bentukan antara Minangkabau dan Melayu). Tokoh-tokoh lain yang melakukan penelitian terhadap bahasa-bahasa Nusantara ialah Fernandez (1988) dan Syamsuddin AR (1991) yang mengkaji hubungan kekerabatan bahasa-bahasa di Nusantara.

Noriah Mohamed dan Hamidah Abdul Wahab (2004) membandingkan kosa kata dasar empat bahasa Bidayuh, iaitu bahasa Biatah, bahasa Bau-Jagoi, bahasa Bukar-Sadong, dan bahasa Selako-Lara, dan menentukan tingkat kekerabatan antara bahasa ini. Kemudian, kosa kata dasar keempat-empat bahasa ini akan dibandingkan pula dengan bahasa Melayu untuk meneliti hubungan sanak bahasa Bidayuh ini dengan bahasa Melayu. Kajian menggunakan kaedah perbandingan kosa kata dasar atau leksiko statistik untuk mengenal pasti persamaan dan perbezaan kosa kata keempat-empat bahasa ini. Secara keseluruhan, kajian mereka dapat memperjelas status linguistik bahasa Bidayuh di Sarawak, di samping memperlihatkan hubungan bahasa tersebut dengan bahasa Melayu.

Lilis Handayani Napitupulu¹ dan Yolanda Novita Silaban (2020) mendeskripsikan tingkat kekerabatan, masa pisah, dan tahun prediksi bahasa Batak Toba dan bahasa Batak Angkola Mandailing berdasarkan persamaan dan perbezaan fonologinya dengan menggunakan teori linguistik historis komparatif. Pengumpulan data menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis data menggunakan kaedah leksikostatistik. Hasil penelitian menunjukkan bahwa kekerabatan bahasa Batak Toba dengan Batak Angkola Mandailing bahawa 100 kosa kata Swadesh hanya 55 kata yang berkerabat dengan kategori 45 kategori tidak berkerabat. Tingkat kekerabatan kedua bahasa mempunyai hubungan kekerabatan pada tingkat keluarga dengan persentase 55%.

Mohamad Rozi Kassim (2021) pula membincangkan bahasa Jakun yang dituturkan oleh masyarakat orang asli Jakun. Objektif kajian beliau adalah untuk membandingkan kosa kata dasar dan menentukan tingkat kekerabatan antara bahasa Jakun dengan bahasa Melayu purba. Beliau menggunakan teori leksikostatistik yang disarankan oleh Swadesh (1955) dan kaedah kualitatif deskriptif untuk menghuraikan data yang diperoleh di lapangan. Data kosa kata dasar diperoleh dengan menggunakan senarai 200 kosa kata dasar Swadesh (1955). Hasil kajian beliau menunjukkan bahawa hubungan bahasa Jakun ini dengan bahasa Melayu purba adalah pada peringkat keluarga Bahasa dan menolak kenyataan Carey (1976) yang menganggap bahasa Jakun kini sudah hilang sifat keasliannya dan meminjam kosa kata bahasa Melayu sahaja. Kajian beliau mendapati bahawa bahasa Jakun tidak meminjam bahasa Melayu tetapi bahasa Jakun merupakan salah satu cabang daripada bahasa induk, iaitu bahasa Melayu purba.

Seterusnya, kajian ini akan meneliti leksikostatistik bahasa Kensiu dan Kintaq yang terdiri dari kumpulan Negrito dan merupakan dari rumpun Austrosiatik. Penelitian leksikostatistik ini akan dibuktikan dengan tingkat kekerabatan kedua-dua bahasa. Kemudian, pengkaji menghitung waktu pisah kedua-dua bahasa. Penelitian ini sangat penting untuk mengetahui hubungan kekerabatan kedua-dua bahasa melalui perbandingan leksikal berdasarkan senarai Swadesh.

Metodologi Kajian

Kaedah leksikostatik digunakan untuk mengelompokkan bahasa dengan bersandarkan kosa kata Moris Swadesh (1950). Pemilihan ini dilakukan kerana kosa kata dasar dalam sesuatu bahasa bersifat universal dan sukar mengalami perubahan. Kaedah kuantitatif juga dikenali sebagai kaedah leksikostatik yang digunakan untuk menentukan peratus kata bersanak dengan cara menghitung jumlah kosa kata berkognat.

Seperti kaedah kualitatif, leksikostatik juga menggunakan kosa kata sebagai asas perbandingan. Walau bagaimanapun, berbeza dengan kaedah kualitatif, leksikostatik menggunakan jenis kosa kata yang disebut kosa kata dasar sebagai asas menghitung. Kosa kata dasar merupakan sejumlah kata dalam sesuatu bahasa yang menyatakan perkara asas dalam kehidupan seperti ganti nama diri, bilangan, anggota tubuh badan, alam sekitar, alat kelengkapan seharian dan sebagainya. Kosa kata dasar dianggap sukar berubah berbanding dengan kosa kata budaya iaitu kata-kata selain kata dasar dan lazimnya bersifat sejagat iaitu terdapat dalam semua bahasa di dunia. Kosa kata ini juga dianggap memiliki sifat awet atau kekal malar setiap seribu tahun. Dengan kata lain, kosa kata dasar dianggap dapat bertahan secara malar bagi setiap seribu tahun dalam peratusan tertentu. Seribu tahun berikutnya kosa kata dasar dapat bertahan dengan peratusan yang sama. Oleh sebab itulah pengkaji telah memilih senarai Morris Swadesh yang mengandungi 207 patah perkataan dalam mengkaji kekerabatan bahasa Kensiu dengan bahasa Kentaq.

Dengan menggunakan kosa kata dasar Swadesh sebagai penelitian kekerabatan ini, kaedah leksikostatik dilaksanakan menerusi beberapa langkah. Kaedah ini dimulakan dengan memungut kosa kata dasar bahasa Kensiu dan bahasa Kentaq yang akan dibandingkan. Kemudian senarai kosa kata dasar bahasa Kensiu dan bahasa Kentaq dibandingkan secara berpasangan. Penelitian permulaan membabitkan penyisihan kosa kata yang tidak boleh diambil kira dan penentuan kata yang berkognat. Selepas ditentukan jumlah kata berkognat ditentukan pula peratus kata bersanak.

Hasil dan Perbincangan Kajian

Penelitian ini menggunakan kaedah perbandingan antara bahasa Kensiu dengan bahasa Kentaq. Kaedah perbandingan dilakukan dengan menggunakan 207 kosa kata dasar Swadesh untuk mendapatkan data kekerabatan kedua-dua bahasa orang Asli. Data berkenaan dianalisis secara kuantitatif dengan menggunakan teknik leksikostatistik untuk memperoleh jumlah peratus kognat bahasa masing-masing.

Jadual 1: Perbandingan Kosa Kata Bahasa Kensiu dengan Bahasa Kentaq Mengikut Daftar Kata Swadesh.

Bil	Daftar kata Swadesh	Bahasa Kensiu (Ejaan Biasa)	Bahasa Kensiu (IPA)	Bahasa Kentaq (Ejaan Biasa)	Bahasa Kentaq (IPA)	Kognat
1	Saya, aku	Yek	[yeʔ]	yek	[yeʔ]	+
2	Anda, kamu, kau, awak, saudara, saudara	bom, moh, gin	[bom][moh][gin]	mu	[mu]	-
3	Dia	yak kedem	[yaʔ kədəm]	mu	[mu]	-
4	Kita, kami	Yam	[yam]	hek	[heʔ]	-
5	Kalian	gin on	[gin ɔn]	gin	[gin]	+

6	Mereka	Gin	[gin]	gin	[gin]	+
7	Ini, yang ini	ye eh	[ye eh]	eh/yeeh	[āh]/[yəʔəh]	+
8	Yang itu, hingga	yo on deh	[yo on deh]	yow ton	[yowtɔn]	-
9	Di sini	ek eh	[eʔ eh]	ek eh	[iʔ əh]	+
10	Sana, di sana	pet un deh	[pət un deh]	dakton	[daʔ tɔn]	-
11	Siapa	tom menik	[tom mənɪʔ]	tom	[tɔm]	+
12	Apa	lou/benda	[low/bənda]	leom	[ləʷom]	-
13	Di mana	ek hah deh	[əʔ hah deh]	dak hah	[daʔ hāh]	-
14	Bila	jenhah	[jənhah]	jen hah	[jen hāh]	+
15	Bagaimana	gok hah deh	[goʔ hah deh]	lahak machem	[lahak maʔcəm]	-
16	Bukan, tidak, tak	biyak/ayang	[bijaʔ/ajaŋ]	biyak/yang	[biyaʔ]/[yaŋ]	+
17	Semua	semuak	[səmuəʔ]	semuk	[səmuʔ]	+
18	Banyak	jenuh	[jənuh]	jenuh	[jənuh]	+
19	Beberapa	biyapak	[bijapaʔ]	berapak	[bərapaʔ]	Imbuhan
20	Sedikit	ajok	[ajoʔ]	ajok	[ajoʔ]	+
21	Lain	pak	[paʔ]	pak	[pāʔ]	+
22	Satu	nai	[na]	nai	[nay]	+
23	Dua	biye	[biyɛ]	bi	[bi]	-
24	Tiga	tigak	[tigaʔ]	tigak	[tigaʔ]	+
25	Empat	empat	[əmpat]	empat	[əmpat]	+
26	Lima	limak	[limaʔ]	limak	[limak]	+
27	Besar	tebek	[təbəʔ]	tebak	[təbaʔ]	+
28	Panjang	mentut	[məntut]	betun	[bətun]	-
29	Lebar	sedang	[sədaŋ]	cenhen	[cənhən]	-
30	Tebal	tebel	[təbəl]	kelpih	[kəlpih]	-
31	Berat	henjut	[hənjut]	henjut	[hənjut]	+
32	Pendek	cen het	[cən hət]	cenghet	[cəŋhət]	+
33	Kecil	ajok	[adʒoʔ]	ajok	[ajoʔ]	+
34	Sempit	sempit	[səmpit]	sepit	[səpit]	+
35	Nipis	ajok	[ajoʔ]	hete	[hete]	-
36	Perempuan	mabe	[mabɛ]	mabe	[mabɛ]	+
37	Lelaki	temkal	[təmkal]	temkal	[təmkal]	+
38	Orang	hemik	[həmiʔ]	hemik	[hemiʔ]	+
39	Anak	wong	[woŋ]	wong	[woŋ]	+
40	Isteri	mabe	[mabɛ]	keneh	[kəneh]	-
41	Suami	ke sui	[kəsuy]	temkal	[təmkal]	-
42	Ibu	nak	[naʔ]	nak	[naʔ]	+
43	Ayah	ei	[ey]	ei	[ey]	+
44	Haiwan, binatang	menatang	[mənatəŋ]	menatang	[mənatəŋ]	+
45	Ikan	ikan	[ikan]	kak	[kaʔ]	-
46	Burung	kawau	[kawaw]	kawau	[kawaw]	+
47	Anjing	ek	[eʔ]	ek	[eʔ]	+
48	Kutu	cek	[ceʔ]	cek	[ceʔ]	+
49	Ular	ikok	[ikoʔ]	tajuk	[tajuʔ]	-
50	Ulat	kemai	[kəmay]	kemain	[kəmaʷn]	-
51	Pokok	tom ihuk	[tom ihuʔ]	tom	[tom]	+
52	Hutan	kahep	[kahəp]	kahab	[kahab]	+
53	Tongkat, batang	tongket/batang	[toŋkət/bataŋ]	tungket/cang hueng	[tuŋkət]/[caŋhuəŋ]	+
54	Buah	kebek	[kəbəʔ]	kebek	[kəbəʔ]	+
55	Biji	met	[met]	met	[met]	+

56	Daun	helik	[həliʔ]	helik	[həliʔ]	+
57	Akar	talik	[taliʔ]	akar	[akar]	-
58	Kulit kayu	ketek ihuk	[kətəʔ ihuʔ]	ketek inuk	[kətəʔ inuʔ]	Majmuk
59	Bunga	bungak	[buŋaʔ]	bungak	[buŋaʔ]	+
60	Rumput	yumput	[yumput]	rumpot	[rumpot]	+
61	Tali	talik	[taliʔ]	talik	[taliʔ]	+
62	Kulit	ketek	[kətəʔ]	ketek	[kətəʔ]	+
63	Daging	sec	[sec]	sec	[sec]	+
64	Darah	mehem	[məhəm]	mehem	[məhəm]	+
65	Tulang	i ing	[iin]	ieng	[iʔəŋ]	+
66	Minyak, lemak, gemuk	minyak/lemak/mencok	[miŋaʔ][ləmaʔ][məncəʔ]	minyak/toi/mencok	[miŋaʔ][toyʔ][məncəʔ]	+
67	Telur	makok	[makəʔ]	makok	[makəʔ]	+
68	Tanduk	tandok	[tandəʔ]	tanduk	[tandoʔ]	+
69	Ekor	hetik	[hətiʔ]	hetik	[hətiʔ]	+
70	Bulu	sok	[səʔ]	sok	[səʔ]	+
71	Rambut	sokkui	[səʔkui]	sok kui	[səʔ kuy]	+
72	Kepala	kui	[kui]	kui	[kui]	+
73	Telinga	enting	[əntiŋ]	enteng	[əntəŋ]	+
74	Mata	met	[mət]	met	[mət]	+
75	Hidung	moh	[moh]	moh	[moh]	+
76	Mulut	han	[han]	han	[hən]	+
77	Gigi	nyus	[nus]	nyus	[nus]	+
78	Lidah	letik	[lətiʔ]	letik	[lətiʔ]	+
79	Kuku	kelkok cas	[kəlkoʔ cas]	kelkok	[kəlkoʔ]	+
80	Sepak, kaki	sepak/can	[sepaʔ][can]	sepak/chan	[sepaʔ][chan]	+
81	Kaki	can	[ʃan]	chan	[chan]	+
82	Lutut	kaltong	[kaltoŋ]	kaltong	[kaltoŋ]	+
83	Tangan	cas	[ʃas]	cas	[cas]	+
84	Sayap	sayap	[sajap]	sayap	[sajap]	+
85	Perut	ceng	[ʃeŋ]	ceng	[cəŋ]	+
86	Tali perut	talik ceng	[taliʔ cəŋ]	ek ceng	[eʔ cəŋ]	Majmuk
87	Leher	cendot	[cəndot]	engut	[əŋut]	-
88	Punggung	hen it	[hən it]	hewo	[hewo]	-
89	Tetek	am	[am]	am	[am]	+
90	Jantung	jantong	[dʒantəŋ]	kelangis	[kələŋis]	-
91	Hati	kelangis	[kələŋis]	yos	[yos]	-
92	Minum	buk	[buʔ]	buk	[buʔ]	+
93	Makan	cik	[ʃiʔ]	cik	[ciʔ]	+
94	Gigit	kap	[kap]	kap	[kap]	+
95	Hisap	jot	[jot]	jot	[jot]	+
96	Ludah	bic	[bic]	bait	[baʔet]	-
97	Muntah	kek	[kəʔ]	kek	[kəʔ]	+
98	Tiup	pet	[pət]	pet	[pət]	+
99	Nafas	napas	[napas]	neghet	[nəghet]	-
100	Ketawa	legeluk	[ləgəluʔ]	lekluk	[ləʔlug]	-
101	Lihat	deng	[dəŋ]	deng	[dəŋ]	+
102	Dengar	kejeng	[kədʒiŋ]	kejeng	[kəjəŋ]	+
103	Tahu	heyep	[həyəp]	yep	[yəp]	+
104	Fikir	piker	[pikə]	piker	[pikə]	+
105	Bau	penhat	[pənhat]	penhat	[pənhat]	+
106	Takut	enteng	[əntəŋ]	enteng	[əntəŋ]	+
107	Tidur	tek	[teʔ]	tek	[tək]	+
108	Hidup	gos	[gəs]	gos	[gosh]	+

109	Mati	kebis	[kəbis]	kebis	[kəbis]	+
110	Bunuh	bunoh	[bunoh]	mak chek	[maʔ chek]	-
111	Gaduh	linwen	[linwen]	gadoh	[gadoh]	-
112	Buru	pedok	[pədoʔ]	pedok	[pədoʔ]	+
113	Kena	ap	[ap]	ap	[ap]	+
114	Potong	ket	[kət]	cah	[cah]	-
115	Belah	pek	[pɛʔ]	pek	[pɛʔ]	+
116	Tikam	cek	[ceʔ]	cek	[ceʔ]	+
117	Gores	gosok	[gosoʔ]	mak gad	[maʔ gad]	-
118	Gali	bai	[bay]	bai	[bay]	+
119	Berenang	semblem	[səblem]	kejuat	[kəjuʔat]	Imbuhan
120	Terbang	kapei	[kapey]	kapei	[kapəiy]	+
121	Jalan	cep	[cəp]	cep	[cəp]	+
122	Datang	doh	[doh]	doh	[doh]	+
123	Bohong	binwun	[binwun]	bot	[bət]	-
124	Duduk	ngok	[ŋoʔ]	ngog	[ŋog]	+
125	Berdiri	henjan	[hənjan]	henjan	[hənjan]	Imbuhan
126	Belok	belok	[beloʔ]	kona	[kona]	-
127	Jatuh	suwet	[suwet]	suwet	[suwet]	+
128	Beri	ek	[eʔ]	eg	[eg]	+
129	Pegang	cep	[cəp]	cep	[cəp]	+
130	Perah	cepit	[cəpit]	cepat	[cəpət]	+
131	Gosok	gosok	[gosoʔ]	gosok	[gosoʔ]	+
132	Cuci	soc	[sɔc]	soc	[sɔc]	+
133	Sapu	sapu	[sapu]	sapu	[sapu]	+
134	Tarik	king	[kiŋ]	king	[kiŋ]	+
135	Tolak	tulek	[tuleʔ]	tulek	[tulek]	+
136	Lempar	howit	[howit]	hewit	[həwit]	+
137	Ikat	iket	[iket]	iket	[iket]	+
138	Jahit	jayit	[jayit]	choq	[choq]	-
139	Kira	kera	[kəya]	bileng	[biləŋ]	-
140	Kata	co	[cə]	pinah	[pinah]	-
141	Nyanyi	hingleng	[hiŋləŋ]	hingleng	[hiŋləŋ]	+
142	Main	pengguh	[pəŋguh]	pengguh	[pəŋguh]	+
143	Terapung	terapong	[tərapoŋ]	lampong	[lampoŋ]	Imbuhan
144	Mengalir	uwit	[uwit]	wet	[wet]	Imbuhan
145	Beku	bekuk	[bəkuʔ]	beyul	[bəyul]	-
146	Bertambah	tambah	[tambah]	tabeh	[tabəh]	Imbuhan
147	Matahari	met ketok	[met kətəʔ]	met katok	[met katoʔ]	+
148	Bulan	kecik	[kəciʔ]	kecek	[kəceʔ]	+
149	Bintang	binteng	[bintəŋ]	binteng	[bintəŋ]	+
150	Air	betiyu	[bətiyu]	betio	[bətiow]	-
151	Hujan	ujan	[udʒan]	ujan	[ujan]	+
152	Sungai	betiyu	[bətiyu]	gelwong	[gelwoŋ]	-
153	Tasik	tasik	[tasiʔ]	tanoq	[tanoq]	-
154	Laut	laut	[laut]	laut	[laʔut]	+
155	Masin, garam	kedek/siyak	[kədəʔ]/[siyaʔ]	kedek/siak	[kədəʔ]/[siyaʔ]	+
156	Batu	batuk	[batuʔ]	batuk	[batuʔ]	+
157	Pasir	pasi	[pasi]	pase	[pase]	+
158	Debu	tepip	[təpip]	sekoq	[səkoq]	-
159	Darat	tebing	[təbiŋ]	kaheb	[kahəb]	-
160	Awan	al	[al]	al	[al]	+
161	Kabus	kiabok	[kiaboʔ]	kiyabok	[kiyaboʔ]	+
162	Langit	keping	[kepiŋ]	mekatok	[mekatoʔ]	-

163	Angin	bewak	[bɛwaʔ]	bewak	[bɛwaʔ]	+
164	Salju	salju	[saldʒu]	hangin	[hanjin]	Kata pinjaman
165	Ais	es	[ɛs]	aih	[aih]	Kata pinjaman
166	Asap	eyei	[eyey]	ii	[iʔi]	-
167	Api	os	[ɔs]	os	[os]	+
168	Abu	habok/tepip	[habɔʔ][təpip]	tepip	[təpip]	+
169	Bakar	tot	[tɔt]	tot	[tɔt]	+
170	Jalan	cep	[cəp]	cep	[cəp]	+
171	Gunung, puncak	cebak	[cəbaʔ]	cebak	[cəbaʔ]	+
172	Merah	tohony	[tohɔn]	tohon	[tohɔn]	+
173	Hijau	hijau	[hijaw]	brahit	[brahit]	-
174	Kuning	kuning	[kuniŋ]	kuneng	[kunenŋ]	+
175	Putih	pertau	[pərtaw]	pertau	[pərtaw]	+
176	Hitam	beltek	[bəlɛʔ]	beltek	[bəlɛʔ]	+
177	Malam	hecut	[hɛkut]	hecut	[hɛkut]	+
178	Hari	hayik	[hajiʔ]	hayik	[hayiʔ]	+
179	Tahun	tehun	[təhun]	tuhun	[tuhun]	+
180	Panas	pedih	[pədih]	pedih	[pədih]	+
181	Sejuk	hengit	[həŋit]	henget	[həŋɛt]	+
182	Penuh	hebun	[həbun]	peh	[pəh]	-
183	Baru, baharu	bayuk	[bajuʔ]	bayuk	[bayuʔ]	+
184	Lama	suwah	[suwah]	lawek	[lawɛʔ]	-
185	Bagus, baik	beet	[bɛət]	be'et	[bɛʔət]	+
186	Buruk	ensok	[ənsɔʔ]	ensok	[ensɔʔ]	+
187	Busuk	hiit	[hiit]	hekit	[hɛʔkit]	-
188	Kotor	kamah	[kamah]	kamah	[kamah]	+
189	Terus	cepdeh	[cəpdɛh]	pelung	[pəlunŋ]	-
190	Bulat	teleo	[tɛlɛʷo]	teliu	[tɛliʷu]	-
191	Tajam	cemak	[cɛmaʔ]	tajam	[tajam]	-
192	Tumpul	belet	[bəlɛt]	beled	[bəlɛd]	+
193	Licin	gehe	[gɛhɛ]	gehe	[gəhɛ]	+
194	Basah	pecuk	[pɛʃuʔ]	pecuk	[pɛcuʔ]	+
195	Kering	kereng	[kɛyɪŋ]	kering	[kɛvɛŋ]	+
196	Betul	betol	[bətɔl]	betol	[bətɔl]	+
197	Dekat	tedehe	[tədəh]	tedehe	[tədəh]	+
198	Jauh	menjit	[mənʤit]	menjik	[mənʤiʔ]	+
199	Kanan	tem	[tem]	tem	[tem]	+
200	Kiri	yek	[yɛʔ]	wik	[wiʔ]	-
201	Di	ek	[ɛʔ]	ik	[iʔ]	+
202	Dalam	dalem	[dalem]	keling	[kəlɪŋ]	-
203	Dengan	eon	[ɛon]	bleh	[bleh]	-
204	Dan	daeh	[daəh]	bleh	[bleh]	-
205	Kalau	pion	[pion]	kalau	[kalaw]	-
206	Kerana	kinyanak	[kijanaʔ]	kianak	[kiʷanaʔ]	+
207	Nama	cok	[cɔʔ]	cok	[choq]	+

Jadual senarai Swadesh di atas, menunjukkan perbandingan kosa kata untuk menentukan sama ada sesuatu pasangan kata itu berkognat atau tidak.

Pasangan Kosa Kata Yang Berkognat

Contoh kosa kata yang berkognat adalah seperti perkataan [yεʔ], [gin], [ajəʔ], [nay], [tigaʔ], [hənjut], [naʔ], [ey], [kawaw], [eʔ], [kəbəʔ], [kaltəŋ] dan [buʔ]. Kosa kata ini mempunyai persamaan seratus peratus dalam bahasa Kensiu dengan bahasa Kentaq.

Manakala, kosa kata pasir dalam bahasa Kensiu dengan bahasa Kentaq berbeza dari segi vokal iaitu [pasi] dan bahasa Kentaq [pase] dalam bahas Kentaq. Kosa kata tahun dalam bahasa Kensiu [təhun] dan bahasa Kentaq [tuhun]. Kosa kata hutan dalam bahasa Kensiu, [kahəp] dan dalam bahasa Kentaq [kahab]. Semua contoh kosa kata ini memperlihatkan kemiripan dari segi leksikal dan hanya berbeza daripada segi vokal sahaja.

Terdapat juga kosa kata yang berbeza dari segi konsonan. Contohnya, kosa kata perah dalam bahasa Kensiu [ŋəʔ] dan bahasa Kentaq [ŋəŋ]. Kosa kata beri juga berbeza dalam bahasa Kensiu dan Kentaq iaitu [εʔ] dan [εŋ]. Berdasarkan analisis yang dilakukan pengkaji dapat mengenal pasti perbezaan dan persamaan kosa kata dalam bahasa Kensiu dan bahasa Kentaq seperti jadual di bawah.

Jadual 2: Kosa Kata Bahasa Kensiu dan Bahasa Kentaq yang Berkognat

Bil	Daftar kata Swadesh	Bahasa Kensiu	Bahasa Kensiu (IPA)	Bahasa Kentaq	Bahasa Kentaq (IPA)
1	Saya, aku	yek	[yεʔ]	yek	[yεʔ]
2	Kalian	gin on	[gin ɔn]	gin	[gin]
3	Mereka	gin	[gin]	gin	[gin]
4	Ini, yang ini	ye eh	[ye eh]	eh/yeeh	[āh]/[yəʔəh]
5	Di sini	ek eh	[eʔ eh]	ek eh	[iʔ əh]
6	Siapa	tom menik	[tom məniʔ]	tom	[tɔm]
7	Bila	jenhah	[jənhah]	jen hah	[jen hāh]
8	Bukan, tidak, tak	biyak/ayang	[bijaʔ/ajaŋ]	biyak/yang	[biyaʔ]/[yaŋ]
9	Semua	semuak	[səmuəʔ]	semuk	[səmuʔ]
10	Banyak	jenuh	[jənuh]	jenuh	[jənuh]
11	Sedikit	ajok	[ajəʔ]	ajok	[ajəʔ]
12	Lain	pak	[paʔ]	pak	[pāʔ]
13	Satu	nai	[na]	nai	[nay]
14	Tiga	tigak	[tigaʔ]	tigak	[tigaʔ]
15	Empat	empat	[əmpat]	empat	[əmpat]
16	Lima	limak	[limaʔ]	limak	[limak]
17	Besar	tebek	[təbəʔ]	tebak	[təbaʔ]
18	Berat	henjut	[hənjut]	henjut	[hənjut]
19	Pendek	cen het	[cən hət]	cenghet	[cəŋhət]
20	Kecil	ajok	[adʒəʔ]	ajok	[ajəʔ]
21	Sempit	sempit	[səmpit]	sepit	[səpit]
22	Perempuan	mabe	[mabe]	mabe	[mabe]
23	Lelaki	temkal	[təmkal]	temkal	[təmkal]
24	Orang	hemik	[həmiʔ]	hemik	[hemiʔ]
25	Anak	wong	[woŋ]	wong	[wəŋ]
26	Ibu	nak	[naʔ]	nak	[naʔ]
27	Ayah	ei	[ey]	ei	[ey]
28	Haiwan, binatang	menatang	[mənatəŋ]	menatang	[mənatəŋ]
29	Burung	kawau	[kawaw]	kawau	[kawaw]

30	Anjing	ek	[eʔ]	ek	[eʔ]
31	Kutu	cek	[ceʔ]	cek	[ceʔ]
32	Pokok	tom ihuk	[tom ihuʔ]	tom	[tom]
33	Hutan	kahep	[kahəp]	kahab	[kahab]
34	Tongkat, batang	tongket/batang	[toŋkət/bataŋ]	tungket/cang hueng	[tuŋkət]/ [caŋhuəŋ]
35	Buah	kebek	[kəbəʔ]	kebek	[kəbəʔ]
36	Biji	met	[met]	met	[met]
37	Daun	helik	[həliʔ]	helik	[həliʔ]
38	Bunga	bungak	[buŋaʔ]	bungak	[buŋaʔ]
39	Rumput	yumput	[yumput]	rumpot	[rumpot]
40	Tali	talik	[taliʔ]	talik	[taliʔ]
41	Kulit	ketek	[kətəʔ]	ketek	[kətəʔ]
42	Daging	sec	[sec]	sec	[sec]
43	Darah	mehem	[məhəm]	mehem	[məhəm]
44	Tulang	i ing	[iŋ]	ieng	[iəŋ]
45	Minyak, lemak, gemuk	minyak/lemak/ mencok	[miŋaʔ][ləma ʔ][məncəʔ]	minyak/toi/ mencok	[miŋaʔ]/[toy]/ [məncəʔ]
46	Telur	makok	[makəʔ]	makok	[makəʔ]
47	Tanduk	tandok	[tandəʔ]	tanduk	[tandəʔ]
48	Ekor	hetik	[hətiʔ]	hetik	[hətiʔ]
49	Bulu	sok	[səʔ]	sok	[səʔ]
50	Rambut	sokkui	[səʔkui]	sok kui	[səʔ kui]
51	Kepala	kui	[kui]	kui	[kui]
52	Telinga	enting	[əntiŋ]	enteng	[əntəŋ]
53	Mata	met	[mət]	met	[mət]
54	Hidung	moh	[moh]	moh	[moh]
55	Mulut	han	[han]	han	[hān]
56	Gigi	nyus	[nyus]	nyus	[nyus]
57	Lidah	letik	[lətiʔ]	letik	[lətiʔ]
58	Kuku	kelkok cas	[kəlkoʔ cas]	kelkok	[kəlkoʔ]
59	Sepak, kaki	sepak/can	[sepaʔ][can]	sepak/chan	[sepaʔ]/[chan]
60	Kaki	can	[ʃan]	chan	[chan]
61	Lutut	kaltong	[kaltoŋ]	kaltong	[kaltoŋ]
62	Tangan	cas	[ʃas]	cas	[cas]
63	Sayap	sayap	[sajap]	sayap	[sayap]
64	Perut	ceng	[ʃeŋ]	ceng	[cəŋ]
65	Tetek	am	[am]	am	[am]
66	Minum	buk	[buʔ]	buk	[buʔ]
67	Makan	cik	[ʃiʔ]	cik	[ciʔ]
68	Gigit	kap	[kap]	kap	[kap]
69	Hisap	jot	[jot]	jot	[jət]
70	Muntah	kek	[kəʔ]	kek	[kəʔ]
71	Tiup	pet	[pət]	pet	[pət]
72	Lihat	deng	[dəŋ]	deng	[dəŋ]
73	Dengar	kejing	[kəʃiŋ]	kejeng	[kəʃeŋ]
74	Tahu	heyep	[həyəp]	yep	[yəp]
75	Fikir	pikε	[pikε]	piker	[piker]
76	Bau	penhat	[pənhət]	penhat	[pənhāt]
77	Takut	enteng	[əntəŋ]	enteng	[əntəŋ]
78	Tidur	tek	[teʔ]	tek	[tək]
79	Hidup	gos	[gəs]	gos	[gosh]
80	Mati	kebis	[kəbis]	kebis	[kəbis]
81	Buru	pedok	[pədəʔ]	pedok	[pədəʔ]

82	Kena	ap	[ap]	ap	[ap]
83	Belah	pek	[pɛʔ]	pek	[pɛʔ]
84	Tikam	cek	[cɛʔ]	cek	[cɛʔ]
85	Gali	bai	[bay]	bai	[bay]
86	Terbang	kapei	[kapey]	kapei	[kapəiy]
87	Jalan	cep	[cəp]	cep	[cəp]
88	Datang	doh	[doh]	doh	[doh]
89	Duduk	ngok	[ŋoʔ]	ngog	[ŋog]
90	Jatuh	suwet	[suwet]	suwet	[suwet]
91	Beri	ek	[ɛʔ]	eg	[ɛg]
92	Pegang	cep	[cɛp]	cep	[cɛp]
93	Perah	cepit	[cəpit]	cepit	[cəpɪt]
94	Gosok	gosok	[gosoʔ]	gosok	[gosoʔ]
95	Cuci	soc	[sɔc]	soc	[sɔc]
96	Sapu	sapu	[sapu]	sapu	[sapu]
97	Tarik	king	[kiŋ]	king	[kiŋ]
98	Tolak	tulek	[tuleʔ]	tulek	[tulek]
99	Lempar	howit	[howit]	hewit	[həwit]
100	Ikat	iket	[iket]	iket	[iket]
101	Nyanyi	hingleng	[hiŋlɛŋ]	hingleng	[hiŋlɛŋ]
102	Main	pengguh	[pəŋguh]	pengguh	[pəŋguh]
103	Matahari	met ketok	[mɛt kətɔʔ]	met katok	[mɛt katoʔ]
104	Bulan	kecik	[kəciʔ]	kecek	[kəcɛʔ]
105	Bintang	binteng	[bintɛŋ]	binteng	[bintɛŋ]
106	Hujan	ujan	[udʒan]	ujan	[ujan]
107	Laut	laut	[laut]	laut	[laʷut]
108	Masin, garam	kedek/siyak	[kədəʔ]/[siyaʔ]	kedek/siak	[kədəʔ]/[siyaʔ]
109	Batu	batuk	[batuʔ]	batuk	[batuʔ]
110	Pasir	pasi	[pasi]	pase	[pase]
111	Awan	al	[al]	al	[al]
112	Kabus	kiabok	[kiʷabɔʔ]	kiyabok	[kiyaɔʔ]
113	Angin	bewak	[bɛwaʔ]	bewak	[bɛwaʔ]
114	Api	os	[os]	os	[os]
115	Abu	habok/tepip	[habɔʔ]/[təpip]	tepip	[təpip]
116	Bakar	tot	[tɔt]	tot	[tɔt]
117	Jalan	cep	[cəp]	cep	[cəp]
118	Gunung, puncak	cebak	[cəbaʔ]	cebak	[cəbaʔ]
119	Merah	tohony	[tohɔŋ]	tohon	[tohɔn]
120	Kuning	kuning	[kuniŋ]	kuneng	[kuniŋ]
121	Putih	pertau	[pərtaw]	pertau	[pərtaw]
122	Hitam	beltek	[bəlɛʔ]	beltek	[bəlɛʔ]
123	Malam	hecut	[hɛkut]	hecut	[hɛkut]
124	Hari	hayik	[hajiʔ]	hayik	[hayiʔ]
125	Tahun	tehun	[təhun]	tuhun	[tuhun]
126	Panas	pedih	[pədih]	pedih	[pədih]
127	Sejuk	hengit	[həŋit]	henget	[həŋɛt]
128	Baru, baharu	bayuk	[bajuʔ]	bayuk	[bayuʔ]
129	Bagus, baik	beet	[bəət]	be'et	[bəʔət]
130	Buruk	ensok	[ənsɔʔ]	ensok	[ənsɔʔ]
131	Kotor	kamah	[kamah]	kamah	[kamah]
132	Tumpul	belet	[bəlɛt]	beled	[bəlɛd]
133	Licin	gehe	[gɛhɛ]	gehe	[gɛhɛ]
134	Basah	pecuk	[pɛʃuʔ]	pecuk	[pɛcuʔ]
135	Kering	kereng	[kɛyŋ]	kering	[kɛrɛŋ]

136	Betul	betol	[bətɔl]	betol	[bətɔl]
137	Dekat	tedeh	[tədəh]	tedeh	[tədəh]
138	Jauh	menjit	[mændʒit]	menjik	[mənʒiʔ]
139	Kanan	tem	[tem]	tem	[tem]
140	Di	ek	[ɛʔ]	ik	[iʔ]
141	Kerana	kiyanak	[kijanaʔ]	kianak	[kiʔanaʔ]
142	Nama	cok	[cɔʔ]	cok	[choq]

Pasangan Kosa Kata Yang Tidak Berkognat

Contoh kosa kata yang tidak berkognat pula ialah [yam] dalam bahasa Kensiu dan [hɛʔ] dalam bahasa Jahut. Seterusnya, [təbəl] dan [kəlpɪh], [ajɔʔ] dan [hetɛ], [mabe] dan [kəneh], [kəsuy] dan [təmkal], [ikan] dan [kaʔ], [ikɔʔ] dan [tajuʔ]. Perkataan-perkataan yang tidak berkognat seperti jadual berikut.

Jadual 3: Kosa Kata Bahasa Kensiu Dan Bahasa Kentaq Yang Tidak Berkognat

Bil	Daftar kata Swadesh	Bahasa Kensiu	Bahasa Kensiu (IPA)	Bahasa Kentaq	Bahasa Kentaq (IPA)
1	Anda,kamu,kau, awak,saudara,sa udari	bom,moh,gin	[bom][moh][gin]	mu	[mu]
2	Dia	yak kedem	[yaʔ kədəm]	mu	[mu]
3	Kita, kami	Yam	[yam]	hek	[hɛʔ]
4	Yang itu, hingga	yo on deh	[yo on deh]	yow ton	[yowtɔn]
5	Sana, di sana	pet un deh	[pət un deh]	dakton	[daʔ tɔn]
6	Apa	lou/benda	[low/bənda]	leom	[ləʔom]
7	Di mana	ek hah deh	[əʔ hah deh]	dak hah	[daʔ hāh]
8	Bagaimana	gok hah deh	[goʔ hah deh]	lahak machem	[lahak maʔcəm]
9	Dua	biye	[biye]	bi	[bi]
10	Panjang	mentut	[məntut]	betun	[bətun]
11	Lebar	sedang	[sədəŋ]	cenhen	[cənhən]
12	Tebal	tebel	[təbəl]	kelpih	[kəlpɪh]
13	Nipis	ajok	[ajɔʔ]	hete	[hetɛ]
14	Isteri	mabe	[mabe]	keneh	[kəneh]
15	Suami	ke sui	[kəsuy]	temkal	[təmkal]
16	Ikan	ikan	[ikan]	kak	[kaʔ]
17	Ular	ikok	[ikɔʔ]	tajuk	[tajuʔ]
18	Ulat	kemai	[kəmay]	kemain	[kəmaʔn]
19	Akar	talik	[taliʔ]	akar	[akar]
20	Leher	cendot	[cəndot]	engut	[əŋut]
21	Punggung	hen it	[hən it]	hewo	[hewo]
22	Jantung	jantong	[dʒantɔŋ]	kelangis	[kələŋis]
23	Hati	kelangis	[kələŋis]	yos	[yɔs]
24	Ludah	bic	[bic]	bait	[baʔet]
25	Nafas	napas	[napas]	neghet	[nəghet]
26	Ketawa	legeluk	[ləgəluʔ]	lekluk	[ləʔlug]
27	Bunuh	bunoh	[bunoh]	mak chek	[maʔ chek]
28	Gaduh	linwen	[linwən]	gadoh	[gadoh]
29	Potong	ket	[kət]	cah	[cah]
30	Gores	gosok	[gosoʔ]	mak gad	[maʔ gad]
31	Bohong	binwun	[binwun]	bot	[bɔt]
32	Belok	belok	[belɔʔ]	kona	[kona]

33	Jahit	jayit	[jayit]	choq	[choq]
34	Kira	kera	[kəya]	bileng	[bilɛŋ]
35	Kata	co	[cə]	pinah	[pinah]
36	Beku	bekuk	[bəkuʔ]	beyul	[bəyul]
37	Air	betiyu	[bətɪyʊ]	betio	[bətɪow]
38	Sungai	betiyu	[bətɪyʊ]	gelwong	[gelwɔŋ]
39	Tasik	tasik	[tasiʔ]	tanoq	[tanoq]
40	Debu	tepip	[təpɪp]	sekoq	[səkoq]
41	Darat	tebing	[təbɪŋ]	kaheb	[kahəb]
42	Langit	keping	[kəpɪŋ]	mekatok	[mekatoʔ]
43	Asap	eyei	[eyey]	ii	[iʔi]
44	Hijau	hijau	[hijaw]	brahit	[brahit]
45	Penuh	hebun	[həbun]	peh	[pəh]
46	Lama	suwah	[suwah]	lawek	[laweʔ]
47	Busuk	hiit	[hiit]	hekit	[həʔkit]
48	Terus	cepdeh	[cəpdeh]	pelung	[pəlun]
49	Bulat	teleo	[teləʷo]	telu	[təlɪʊ]
50	Tajam	cemak	[cəmaʔ]	tajam	[tajam]
51	Kiri	yek	[yeʔ]	wik	[wiʔ]
52	Dalam	dalem	[dalem]	keling	[kəlɪŋ]
53	Dengan	eon	[eon]	bleh	[bleh]
54	Dan	daeh	[daəh]	bleh	[bleh]
55	Kalau	pion	[pion]	kalau	[kalaw]

Pengiraan Tingkat Keperabatan Bahasa Kensiu Dengan Bahasa Kentaq

Setelah taraf kognat dan taraf tidak kognat diketahui melalui perbandingan bahasa Kensiu dan Kentaq barulah pengiraan tingkat keperabatan dapat dilakukan. Bagi menentukan jumlah keperabatan sesuatu bahasa kosa kata dasar perlu ditolak terlebih dahulu sekiranya kosa kata berkenaan merupakan kata pinjaman (umpamanya dalam bahasa Melayu perkataan ais dan salji), kata kosong (ada dalam satu bahasa tetapi tiada dalam bahasa yang satu lagi) dan kata majmuk (umpama dalam bahasa Melayu perkataan kulit kayu dan tali perut). Berdasarkan senarai Swadesh perkataan yang ditolak sebanyak sepuluh perkataan iaitu kata berimbunan beberapa, berenang, berdiri, terapung, mengalir, bertambah. Manakala kata majmuk yang ditolak adalah kulit kayu dan tali perut. Seterusnya kata pinjaman ais dan salju.

Pengiraan tingkat keperabatan dilakukan dengan menghitung jumlah kata dasar yang diperbandingkan dan jumlah kata berkognat. Jumlah kata berkognat itu dibahagi dengan jumlah kata dasar yang diperbandingkan kemudian didarab seratus peratus sehingga diperoleh peratus jumlah kata berkeperabatan. Rumus yang digunakan untuk menghitung tingkat keperabatan adalah seperti berikut:

$$\frac{\text{Jumlah kata yang berkognat}}{\text{Jumlah kata yang diperbandingkan}} \times 100$$

$$\begin{aligned} \text{Jumlah kosa kata yang ditolak} &= 10 \\ \text{Jumlah kosa kata yang dibandingkan} &(207-10) = 197 \\ \text{Jumlah kosa kata yang berkognat} &(197-55) = 142 \\ \text{Peratus kosa kata berkognat} &(142/197) = 0.72 \times 100 \\ &= 72.08\% \end{aligned}$$

Jadual 4: Perkataan Bahasa Kensiu Yang Berkognat Dengan Bahasa Kentaq

Jumlah perkataan	Jenis bahasa	Perkataan berkognat	Peratus
207 (ditolak perkataan)	10 Bahasa Kensiu dan bahasa Kentaq	142	72.08%

Jadual 5: Pengelasan Bahasa Berdasarkan Tingkat Kekerabatan

Bil	Tingkat Bahasa	Jarak Waktu Dalam Abad	Peratus Kata Kerabat
1	Bahasa	0-5	100-8
2	Keluarga	5-25	80-36
3	Rumpun	25-50	35-12
4	Mikrofilum	50-75	11-4
5	Mesofilum	75-100	3-1
6	Makrofilum	100 Ke Atas	<1

Sumber: Gudschinsky (1964)

Sumber Gudschinsky di atas menunjukkan terdapat enam pemeringkatan bahasa dibahagikan iaitu makrofilum, mesofilum, mikrofilum, rumpun, keluarga dan bahasa. Menurut Noriah Mohamed (2011) filum bahasa ialah bentuk bahasa atau kelompok bahasa induk yang paling tua usianya iaitu 5000 tahun ke atas. Rumpun bahasa pula merupakan kelompok bahasa yang mempunyai lama waktu antara 2500 sehingga 5000 tahun. Kelompok bahasa yang berusia kurang daripada 2500 tahun disebut keluarga bahasa. Keluarga bahasa pula boleh dibahagikan kepada subkeluarga-subkeluarga bahasa.

Berdasarkan tingkat kekerabatan seseorang pengkaji dapat melihat persamaan kosa kata daripada pelbagai bahasa yang berbeza-beza melalui pengelompokan kategori tingkat kekerabatan. Tingkat kekerabatan mengukur jarak waktu antara satu bahasa dengan bahasa yang lain. Oleh itu, pengkaji menggunakan pengelasan bahasa Guschinsky (1964) untuk mengetahui kelompok bahasa Kensiu dan bahasa Kentaq melalui keputusan pengiraan perkataan yang berkognat daripada kedua-dua bahasa ini.

Setelah pengiraan dilakukan terhadap kedua-dua bahasa pengkaji mendapati bahasa Kensiu mempunyai 142 perkataan yang berkognat dengan bahasa Kentaq yang merangkumi sebanyak 72.08 %. Hubungan kekerabatan dengan bahasa Kensiu dengan bahasa Kentaq yang tergolong dalam rumpun Austrosiatik membuktikan bahawa kedua-dua bahasa ini telah terpisah antara 5 hingga 25 abad yang lalu dalam kelompok keluarga berdasarkan kekerabatan peratus kognat yang diperolehi.

Rumusan

Berdasarkan perbandingan yang dilakukan antara kedua-dua bahasa, kajian ini membuktikan bahawa bahasa Kensiu dan bahasa Kentaq memiliki tingkat kekerabatan yang tinggi. Hal ini dibuktikan dengan jumlah peratusan kosa kata berkognat antara kedua-dua bahasa tersebut ialah sebanyak 72.08%. Kedua-dua bahasa ini telah terpisah antara 5 hingga 25 abad yang lalu dan berada dalam kelompok keluarga berdasarkan kekerabatan peratus kognat yang diperolehi. Banyak persamaan kosa kata antara kedua-dua bahasa kerana mempunyai waktu pisah antara 5 hingga 25 abad. Persamaan kosa kata sebanyak 142 dan hanya 55 kosa kata yang berbeza antara

kedua-dua Bahasa. Kebanyakan kosa kata tubuh badan, kata ganti diri dan warna memiliki persamaan kosa kata.

Rujukan

- Dyen, Isidore. (1956). *Language Distribution and Migration Theory Language*, 32: Hal. 611-626.
- Ferdinand de Saussure. (1915). *Cours de Linguistique Generale*. Paris: Payot. 1915. English translation by W. Baskin, *Course in General Linguistics*. New York: The Philosophical Library.
- Geoffrey Benjamin. (2012). *The Aslian Languages of Malaysia and Thailand: An Assessment*. In Stuart McGill & Peter K. Austin (eds) *Language Documentation and Description*, vol 11. London: SOAS. pp. 136-230 Link to this article: http://www.elpublishing.org/docs/1/11/idd11_06.pdf (Diakses pada 1 Jun 2021).
- Gudschinsky, S., 1964. "The ABC's of Lexicostatistics (Glotochronology)", dim. Dell Hymes, *Language in Culture and Society, A Reader in linguistic and Society, A Reader in Linguistic and Anthropology*. New York: Harper and Row, him. 612-623.
- Hafizah Hafizah. (2018). *Leksikostatistikbahasa Indonesia Dengan Bahasa Minang Dialek Bukittinggi (Kajian Linguistik Historis Komparatif)*. *Jurnal Deiksis*Vol. 10 No.03, September-Desember 2018. hlm. 247-254
- JAKOA. (2015). *Maklumat Penduduk Kg. Bukit Asu*. Perak: Jabatan Kemajuan Orang Asli Daerah Hulu Perak dan Baling.
- JAKOA. (2011). *Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli 2011-2015*. Kuala Lumpur: Penerbit JAKOA.
- Keraf, Gorys. (1996). *Linguistik Bandingan Historis*. Jakarta: PT Gramedia Pustaka Utama.
- Keraf, G. (1984). *Linguistik Bandingan Historis*. Jakarta: Pt. Gramedia Pustaka Utama.
- Morrish Swadesh. (1950). *Salish Internal Relationships*. *International Journal of American Linguistics*, 16,157-167.
- Mohd Sharifudin Yusop. (2011). *Daftar Kata Bahasa Melayu-Bahasa Orang Asli . Siri 1 Dwibahasa (Melayu / Negrito)*. Kuala Lumpur: JAKOA.
- Napitupulu, L. H., & Silaban, Y. N. (2020). *Kajian Leksikostatistik Pada Bahasa Batak Toba Dan Batak Angkola Mandailing*. *Bahasa Indonesia Prima (BIP)*, 2(2), 82-90. <https://doi.org/10.34012/bip.v2i2.1336>
- Noor Saadah Salleh dan Mohd Sharifudin Yusop (2018). *Status Kelestarian Bahasa Minoriti Kentaq*. Volume: 1 Issues: 4 pp.01-22] *International Journal of Humanities, Philosophy, Language*
- Norfazila Ab. Hamid, Rahim Aman, Shahidi A.H (2017) *Varian Dialek Melayu Tioman-Aur-Pemanggil: Analisis Linguistik Bandingan*. *GEMA Online® Journal of Language Studies* Volume 17(2), May 2017 <http://doi.org/10.17576/gema-2017-1702-13>
- Noriah Mohamed (2016) *Pelestarian Turunan, Penelusuran Moyang: Pengadunan Sosiolinguistik dan Linguistik Sejarah dalm Pendokumentasian Bahasa Peribumi*. Pulau Pinang: Penerbit USM.
- Noriah Mohamed dan Rohani Yusof (2011). *Pengelompokan Leksikostatistik Bahasa-bahasa Peribumi di Sarawak*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Noriah Mohamed. (2001). *Perbandingan Kuantitatif Bahasa Miri dengan Bahasa Melayu*. *Jurnal Bahasa*. Vol 1, No 3, 378-397.
- Noriah Mohamed, 1994. "Waktu Pisah dan Tingkat Kekeperabatan Bahasa Melayu dengan Bahasa Iban", dim. *Jurnal Dewan Bahasa*, him. 129-143, Februari 1994.

- Nur Faaizah Binti Md Adam, Mohd Sharifudin Yusop, Riduan Makhtar. Bahasa Orang Asli Jahut: Penelitian Aspek Fonologi Dan Leksikal. (2018). Volume:3 Issues: 11 [March, 2018] pp.12- 29 International Journal of Education, Psychology and Counseling eISSN: 0128-164X
- Nur Faaizah Md Adam. (2018). Pelestarian Bahasa Kensi di Kampung Lubuk Legong, Kedah, Malaysia. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Putra Malaysia.
- Nur Faaizah Md Adam, Mohd Sharifudin Yusop, Noor Saadah Binti Salleh (2019). *Budaya dan Warisan Orang Asli Kensi Lubuk Legong, Baling, Kedah*. Journal of Educational Research@ Indigenous Studies e-ISSN 2682-759x
- Mohamad Rozi Kasim. (2021). *Hubungan Kekerabatan antara Bahasa Jakun dengan Bahasa Melayu Purba: Satu Analisis Perbandingan Kosa Kata Dasar*. Vol 21 No 1 (2021): Jurnal Bahasa Jilid 21 Bil. 1 Jun 2021
- Rengki Afriaa & Dimas Sanjayab, Meshia Tiara. (2020). *Leksikostatistik dan Grotokronologi Bahasa Melayu Palembang, Basemah Lahat, Basemah Pagaralam, dan Kayuagung: Kajian Linguistik Historis Komparatif*. Madah: Jurnal Bahasa dan Sastra Vol. 11, No. 1, April 2020, hlm. 27-42
- Swadesh, Morris. 1975. *The Origin and Deriversication of Language*. London: Routledge